

Tadbir Urus Korporat

- 70** Penyata Tadbir Urus Korporat
- 76** Penyata Kawalan Dalaman
- 78** Laporan Jawatankuasa Audit
- 81** Penyata Kepentingan Para Pengarah
- 83** Maklumat Pematuhan Tambahan

Penyata Tadbir Urus Korporat

ms 70

Gamuda terus mendokong komitmennya terhadap piawaian tadbir urus korporat yang tinggi. Penyata ini menerangkan bagaimana Syarikat mengguna pakai prinsip-prinsip utama dan menyokong serta amalan terbaik yang dikenalpasti dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod) sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Julai 2006 ("2006" atau tahun semasa).

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah tidak berubah sejak laporan yang terakhir. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa komposisi Lembaga Pengarah pada masa ini adalah selaras dengan Kod dan dalam saiz yang sesuai serta mengandungi campuran kemahiran dan pengalaman yang wajar. Peranan utama Lembaga Pengarah adalah untuk mencipta nilai bagi para pemegang saham, untuk memberi kepimpinan kepada Kumpulan, untuk meluluskan objektif strategik Kumpulan dan untuk memastikan supaya sumber kewangan dan sumber-sumber lain yang perlu, disediakan bagi membolehkan objektif-objektif tersebut dicapai.

Para Pengarah Bukan Eksekutif adalah satu unsur kuat di dalam Lembaga Pengarah di mana pandangan mereka memberi pengaruh besar dalam proses membuat keputusan Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah bermesyuarat secara rasmi sebanyak enam kali pada tahun 2006, di mana empat daripada mesyuarat tersebut diadakan selepas mesyuarat Jawatankuasa Audit. Tambahan pula, para Pengarah bertemu secara tidak rasmi, iaitu luar daripada di Mesyuarat Lembaga Pengarah, sebanyak dua kali semasa program latihan dalaman untuk pengarah. Selaras dengan syor Kod, Lembaga Pengarah mempunyai struktur

jawatankuasa untuk membantunya. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah yang tetap terdiri daripada Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Imbuan dan Jawatankuasa Pencalonan. Nama para Pengarah yang berkhidmat dalam jawatankuasa Lembaga Pengarah berserta profil mereka dibentangkan di dalam Profil Lembaga Pengarah bermula di muka surat 30. Kehadiran masing-masing di mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat jawatankuasa Audit, Imbuan dan Pencalonan pada tahun 2006 dibentangkan di dalam jadual di bawah.

Lembaga Pengarah	Bilangan Mesyuarat yang dihadiri pada tahun 2006	%
Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim	5/6	83
Dato' Lin Yun Ling	6/6	100
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	5/6	83
Tan Sri Dato' Seri Dr Haji Zainul Ariff bin Haji Hussain	6/6	100
Raja Dato' Seri Eleena binti Raja Azlan Shah	6/6	100
Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	5/6	83
Dato' Ir Kamarul Zaman bin Mohd Ali	6/6	100
Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor	5/6	83
Encik Ng Kee Leen	6/6	100
Encik Goon Heng Wah	6/6	100
Ir Ha Tiing Tai	4/6	67
Cik Wong Chin Yen	5/6	83
Encik Saw Wah Theng	6/6	100
Encik Chow Chee Wah (Pengarah Gantian kepada Dato' Lin Yun Ling)	5/6	83

Jawatankuasa Audit	Bilangan mesyuarat yang dihadiri pada tahun 2006	%
Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim (Pengerusi)	3/4	75
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	4/4	100
Cik Wong Chin Yen	4/4	100
Encik Ng Kee Leen	3/4	75

Jawatankuasa Imbuhan	Bilangan mesyuarat yang dihadiri pada tahun 2006	%
Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim (Pengerusi)	1/1	100
Dato' Lin Yun Ling	1/1	100
Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	1/1	100

Jawatankuasa Pencalonan	Bilangan mesyuarat yang dihadiri pada tahun 2006	%
Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim (Pengerusi)	1/1	100
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	1/1	100
Cik Wong Chin Yen	1/1	100

Pembahagian tanggungjawab antara Pengerusi dan Pengarah Urusan ditakrif dengan jelas. Tanggungjawab utama Pengerusi adalah untuk mengatur urusan Lembaga Pengarah, menetapkan agendanya, memastikan keberkesanan perjalanan Lembaga Pengarah; dan membantu pembentukan hubungan yang membina antara para Pengarah eksekutif dan bukan eksekutif. Tanggungjawab utama Pengarah Urusan pula adalah untuk mengurus dan menyelaras urusan harian Kumpulan dan pembentukan serta pelaksanaan strategi. Syarikat mempunyai Pengarah Kanan Bukan Eksekutif Bebas yang tertentu. Beliau berperanan sebagai fasilitator untuk komunikasi antara para pemegang saham dan Lembaga Pengarah serta memastikan supaya Lembaga Pengarah menyedari sebarang kemusykilan pemegang saham yang tidak diselesaikan melalui mekanisma komunikasi

pelabur yang sedia ada. Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi adalah Pengarah Kanan Bukan Eksekutif Bebas yang dilantik memegang peranan tersebut sejak tahun 2001. Lembaga Pengarah berpendapat adalah wajar untuk Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi meneruskan peranannya sebagai Pengarah Kanan Bukan Eksekutif Bebas.

Lembaga Pengarah mempunyai jadual perkara rasmi yang mengkhususkan perkara-perkara tertentu untuk pemutusnya dan ia hanya boleh diubah oleh Lembaga Pengarah sendiri, jika perlu. Tanggungjawab khusus tersebut termasuk meluluskan hala tuju strategik Kumpulan dan isu-isu dasar; meluluskan keputusan suku tahunan dan penyata kewangan tahunan; meluluskan pemerolehan dan penjualan utama serta keperluan usaha pengesahan yang berkaitan; dan juga meluluskan perbelanjaan modal

utama, urusan pihak berkaitan, dasar dividen, perubahan keahlian Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasanya. Untuk membantu Lembaga Pengarah menjalankan tanggungjawab tersebut, Lembaga Pengarah menerima maklumat yang bersesuaian kualiti dan dibekalkan tepat pada masa bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Para Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat dan adalah diperakui bahawa setiap Pengarah boleh mendapatkan nasihat profesional bebas berhubung dengan tanggungjawab dan tugas mereka. Syarikat akan menanggung perbelanjaan yang munasabah berhubung perkara ini.

Sepanjang tempoh mereka memegang jawatan, para Pengarah sentiasa dikemaskini tentang perniagaan Kumpulan dan suasana di mana Kumpulan

beroperasi, melalui ringkasan maklumat bertulis dan pertemuan dengan eksekutif-eksekutif kanan yang dijemput untuk menghadiri dan membentangkan laporan di setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Mereka juga dimaklumkan berhubung sebarang perubahan dalam keperluan undang-undang dan tadbir urus Kumpulan serta perubahan yang berkaitan dengan mereka sebagai seorang Pengarah. Latihan yang diadakan secara dalaman dan luaran disediakan kepada semua Pengarah secara berterusan menurut keperluan. Para Pengarah akan terus menjalani program-program latihan yang berkaitan untuk sentiasa termaklum tentang sebarang pembentukan undang-undang baru, keperluan laporan kewangan, perubahan risiko komersial atau perkembangan lain di pasaran; dan untuk membantu mereka menjalankan tugas sebagai pengarah dengan lebih berkesan. Setiausaha Syarikat membantu menyusun program latihan dalaman dan menyimpan rekod mengenai kehadiran para Pengarah serta butiran semua program latihan dalaman dan luaran yang dihadiri oleh para Pengarah. Pada tahun semasa, semua Pengarah telah menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan, dengan beberapa orang daripada mereka menghadiri kesemua program latihan dalaman yang telah disediakan untuk mereka pada sepanjang tahun, yang mana kesemua program-program tersebut merupakan program sehari. Program yang dihadiri oleh mereka secara kolektif atau individu termasuk program-program berikut:

- i. Kewangan bagi para Pengarah yang bukan berlatar belakang dalam bidang kewangan
- ii. Seminar Teknikal Ernst & Young – Pengemaskinian Piawaian Laporan Kewangan (FRS)

iii. Pengurusan Penguatkuasaan Peraturan & Pematuhan

Lembaga Pengarah menggunakan satu proses dalaman dan formal untuk penilaian tahunan prestasi Lembaga Pengarah, jawatankuasa-jawatankuasanya serta para Pengarah secara individu. Pada tahun semasa, para Pengarah telah diberikan satu format soal selidik baru untuk dilengkapi. Format baru tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan proses penilaian.

Seperti yang digariskan di dalam Kod dan Tataurusan Pertubuhan Syarikat, setiap pengarah hendaklah menawarkan diri untuk pemilihan semula setiap tiga tahun. Selaras dengan Akta Syarikat, 1965 (Akta), mana-mana pengarah yang mencapai usia tujuh puluh tahun, dikehendaki menawarkan diri untuk perlantikan semula setiap tahun di Mesyuarat Agung Tahunan. Lembaga Pengarah dengan sukacitanya memaklumkan bahawa semua Pengarah yang perlu menawarkan diri untuk perlantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan 2007 telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik semula.

JAWATANKUASA AUDIT

Keahlian Jawatankuasa ini tidak berubah sejak laporan yang terakhir. Keanggotaan Jawatankuasa ini adalah selaras dengan Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia Securities Berhad yang berkaitan. Jawatankuasa menjalankan kajian terperinci terhadap keputusan suku tahunan dan penyata kewangan tahunan Kumpulan, dan bertanggungjawab memantau dasar-dasar perakaunan; pematuhan kawalan dalaman dan fungsi audit dalaman dan luaran termasuk kebebasan dan objektiviti juruaudit. Secara umumnya, Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya

empat kali setahun, sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah di mana keputusan suku tahunan dan penyata kewangan tahunan akan diluluskan. Pada tahun semasa, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak empat kali. Tambahan pula, para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas telah bermesyuarat dengan juruaudit luaran secara tertutup, tanpa kehadiran rakan sejawat Eksekutif mereka, dan juga tanpa kehadiran Pengurusan. Mesyuarat tersebut membolehkan juruaudit luaran mengetengahkan isu-isu atau kemusykilan berhubung dengan laporan kewangan secara sulit. Juruaudit luaran telah menghadiri satu mesyuarat Jawatankuasa Audit pada tahun semasa, di mana mereka membentangkan cadangan mengenai jenis dan skop tugas mereka serta bidang-bidang penekanan audit sebelum kerja-kerja mengaudit bermula, membangkitkan perkara yang memerlukan pertimbangan, khususnya berhubung dasar perakaunan dan pendekatan audit Kumpulan. Dalam salah satu daripada mesyuaratnya, iaitu pada bulan September, Jawatankuasa telah menjalankan satu pengesahan tentang peruntukan opsyen saham kepada para Pengarah dan kakitangan Kumpulan yang layak bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2006 untuk memastikan sama ada peruntukan tersebut mematuhi kriteria peruntukan yang digariskan oleh Undang-undang Kecil Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat. Jawatankuasa berpuashati bahawa peruntukan opsyen saham berkenaan telah mematuhi Undang-undang Kecil tersebut dan akan terus menjalankan pengesahan sedemikian pada setiap tahun.

Kerja-kerja jawatankuasa ini sepanjang tahun 2006 telah dinyatakan dengan lebih panjang lebar di dalam Laporan Jawatankuasa Audit bermula di muka surat 78.

JAWATANKUASA IMBUHAN

Keahlian Jawatankuasa ini tidak berubah sejak laporan yang terakhir. Keanggotaan Jawatankuasa adalah selaras dengan syor Kod. Jawatankuasa mengemukakan syor-syor kepada Lembaga Pengarah mengenai pembentukan pakej imbuhan Pengarah. Tiada mana-mana Pengarah mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan atau membuat keputusan mengenai imbuhan beliau sendiri. Pakej imbuhan Pengarah dirangka secara berhemah untuk menarik, memotivasi dan mengekalkan para pengarah yang mempunyai kaliber yang diperlukan untuk memastikan kesinambungan kejayaan dan perkembangan perniagaan Kumpulan. Jawatankuasa terus berpendapat bahawa Skim Opsyen Saham Kakitangan adalah kaedah yang sesuai untuk memberi insentif kepada para pengarah eksekutif dan pengurusan kanan; dan juga untuk menarik dan mengekalkan individu-individu yang berkebolehan untuk memegang peranan sebagai pengarah-pengarah bukan eksekutif yang diperlukan untuk mengendali Syarikat dengan berjaya. Dalam menentukan tahap imbuhan yang sesuai bagi para pengarah eksekutif dan bukan eksekutif, Jawatankuasa terimapai kajian pasaran objektif daripada sumber-sumber dalaman dan luaran, yang mengandungi maklumat paling terkini semana boleh mengenai sekumpulan syarikat yang berbanding. Jawatankuasa telah bermesyuarat sekali dalam tahun 2006 dengan kehadiran penuh. Lazimnya, mesyuarat akan diadakan pada bulan Januari. Di mesyuarat tersebut, Jawatankuasa mengkaji pakej-pakej imbuhan para Pengarah berdasarkan maklumat kajian pasaran yang diterima daripada Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran Kumpulan dan Watson Wyatt. Para Pengarah

Eksekutif menerima manfaat barangan yang tertentu, terutamanya peruntukan manfaat kereta, bahanapi atau elaun tunai yang seumpamanya, penjagaan kesihatan peribadi dan insuran nyawa. Yuran dibayar kepada para Pengarah Bukan Eksekutif dengan kelulusan para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan. Butiran imbuhan para Pengarah dibentangkan di muka surat 112 dan 113.

JAWATANKUASA PENCALONAN

Keahlian Jawatankuasa ini tidak berubah sejak laporan yang terakhir. Keanggotaan Jawatankuasa adalah selaras dengan syor Kod. Jawatankuasa telah bermesyuarat sekali dalam tahun 2006 dengan kehadiran penuh. Di mesyuarat tersebut, Jawatankuasa mengkaji satu format baru soal selidik untuk menilai prestasi Lembaga Pengarah; mengenalpasti program latihan dalaman untuk para Pengarah bagi tahun kewangan baru yang akan bermula pada 1 Ogos 2006 untuk disyorkan kepada Lembaga Pengarah; dan mengenalpasti para Pengarah yang akan menawarkan diri untuk pemilihan semula dan perlantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan 2007 Syarikat untuk disyorkan kepada Lembaga Pengarah, selepas mereka masing-masing dinilai sebagai layak untuk menawarkan diri untuk pemilihan semula atau perlantikan semula.

KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap sistem kawalan Kumpulan dan mengkaji keberkesannya. Sistem tersebut dirangka untuk mengurus dan bukan untuk menghapus risiko kegagalan mencapai objektif perniagaan dan ia hanya boleh memberi jaminan yang munasabah

dan bukan muktamad terhadap salahnyata atau kerugian yang ketara. Di dalam seluruh Kumpulan, terdapat satu proses berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan menguruskan risiko-risiko penting. Jawatankuasa Audit menerima laporan yang memaparkan petunjuk risiko-risiko penting setiap unit perniagaan dan ia juga mempertimbangkan kemungkinan isu-isu kawalan yang dibawa kepada perhatiannya oleh mekanisma amaran awal yang terkandung dalam unit-unit perniagaan dan dikukuhkan oleh latihan kesedaran risiko. Jawatankuasa Audit juga menerima laporan daripada fungsi audit dalaman dan, jika sesuai, ia akan mempertimbangkan syor-syor untuk peningkatan. Agenda Lembaga Pengarah meliputi pertimbangan peta risiko dan kawalan, dan ia menerima laporan mengenainya daripada Jawatankuasa Audit. Penekanan diberi terhadap mendapatkan tahap jaminan yang relevan dan bukan sekadar melapor secara pengecualian. Kerja yang dijalankan oleh fungsi audit dalaman dan Jawatankuasa Audit membantu untuk membolehkan Lembaga Pengarah membuat kenyataan berkaitan kawalan dalaman untuk Penyata Kawalan Dalaman.

LAPORAN & KAWALAN KEWANGAN

Kumpulan mempunyai sistem belanjawan yang terperinci dan sistem yang menyeluruh untuk melaporan keputusan kewangan kepada Lembaga Pengarah. Setiap unit perniagaan mengekalkan kawalan kewangan dan menyediakan keputusan bulanan yang dibandingkan dengan belanjawan. Terdapat garis panduan yang ditakrif dengan jelas untuk kajian dan kelulusan projek-projek perbelanjaan modal. Ini termasuk belanjawan tahunan dan peringkat-peringkat kuasa yang telah ditetapkan. Fungsi

audit dalaman pusat Kumpulan mengkaji sistem dan prosedur dalam semua unit perniagaan dan melaporkannya secara kerap kepada Jawatankuasa Audit yang kemudiannya, akan melaporkan kepada Lembaga Pengarah.

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH

Para Pengarah dikehendaki oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang telah disediakan mengikut piawaian perakaunan diluluskan yang bersesuaian dan memberi pandangan yang benar dan saksama berhubung hal-ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan, dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang dilaporkan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- menggunakan dasar perakaunan yang sesuai dan menggunakannya secara konsisten;
- membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat;
- memastikan supaya semua piawaian perakaunan yang berkenaan telah dipatuhi; dan
- menyediakan penyata kewangan berdasarkan andaian usahaniaga berterusan kerana para Pengarah mempunyai jangkaan yang munasabah, setelah membuat penyelidikan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi bagi meneruskan kewujudan operasi untuk

masa depan yang boleh dijangka.

Para Pengarah bertanggungjawab memastikan supaya Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang mendedahkan dengan setepat yang munasabah tentang kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan, dan yang membolehkan mereka memastikan supaya penyata kewangan mematuhi keperluan Akta. Para Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhannya untuk mengambil langkah-langkah yang terbuka kepada mereka seberapa munasabah bagi melindungi aset Kumpulan untuk mengelakkan dan mengesan penyelewengan dan lain-lain salah laku.

PERHUBUNGAN PEMANG SAHAM & PELABUR

Lembaga Pengarah secara keseluruhannya bertanggungjawab untuk memastikan dialog yang berkesan diadakan dengan para pemegang saham dan pelabur. Syarikat mempunyai program perhubungan pelabur yang aktif di mana Pengarah Urusan dan/atau Pengurus Besar Kanan Kumpulan, Pembangunan Perniagaan & Kewangan Korporat menganjurkan acara-acara yang membolehkan komunikasi dengan para pelabur institusi, penganalisis dan pihak media, dalam jangka masa berikutan pengumuman keputusan suku tahunan dan projek-projek baru; dan juga pada masa lain yang sesuai sepanjang tahun. Syarikat membuat laporan secara rasmi kepada para pemegang saham empat kali setahun, apabila keputusan suku tahunannya diumumkan dan sekali lagi apabila Laporan Tahunannya dikeluarkan kepada para pemegang saham. Lembaga Pengarah berpendapat Laporan Keputusan Suku Tahunan

dan Laporan Tahunan termasuk Perspektif Pengerusi dan Tinjauan Operasi membentangkan penilaian yang simbang dan jelas berhubung kedudukan dan prospek Kumpulan. Maklumat tersebut, berserta dengan maklumat lain mengenai Kumpulan turut dimuatkan ke dalam laman web Syarikat di www.gamuda.com.my. Notis Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat dan Laporan Tahunan dihantar kepada para pemegang saham sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum mesyuarat diadakan, dan resolusi berasingan dicadangkan bagi setiap isu khas dengan nota penjelasan diberi berhubung isu khas tersebut. Syarikat membenarkan semua pemegang saham mengundi secara proksi. Bagi memastikan komunikasi dua hala yang berkesan, Pengerusi serta rakan-rakan Pengarah beliau turut bertemu dengan para pemegang saham semasa Mesyuarat Agung Tahunan. Lembaga Pengarah mengalu-alukan kehadiran semua pemegang saham ke Mesyuarat Agung Tahunan untuk membincangkan topik-topik yang wajar semasa bermesyuarat atau berbincang dengan para Pengarah selepas prosiding rasmi telah selesai.

KOD AMALAN

Syarikat mempunyai kod bertulis berhubung amalan/etika perniagaan yang diguna pakai di seluruh Kumpulan, yang menetapkan garis panduan bagi semua kakitangan untuk membolehkan Kumpulan mencapai piawaian tatalaku tertinggi dalam urusan perniagaan, termasuk urusan perniagaan dengan para pelanggan luar negara dan rakan-rakan kongsinya.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kumpulan menyedari tanggungjawabnya kepada masyarakat di mana ia beroperasi dan sentiasa berkomited untuk menerapkan amalan terbaik Tanggungjawab Sosial Korporat ke dalam setiap aspek operasi Kumpulan secara progresif. Risiko alam sekitar dipantau di seluruh operasi kami dan terdapat satu sistem untuk memastikan supaya semua loji-loji dan kemudahan mematuhi piawaian pengurusan alam sekitar berkaitan. Lanjutan dari sumbangan Syarikat kepada "Golf for Nature 2005" yang merupakan sebuah pertandingan golf untuk mengutip derma yang dianjurkan oleh WWF-Malaysia, Syarikat telah mengambil sebuah sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh, sebagai sekolah angkatnya selama setahun. Ia adalah satu pendekatan usahasama dengan WWF-Malaysia untuk membantu sekolah tersebut membangunkan stesen-stesen pembelajaran luar darjah, taman mini dan aktiviti menghijaukan sekolah ("Program Menghijaukan Sekolah"). Program tersebut adalah sebahagian daripada Program Pendidikan Alam Sekitar WWF-Malaysia. Kejayaan Kumpulan merangkul beberapa anugerah berprestij, baik di dalam mahupun di luar negara, adalah suatu pengesahan terhadap amalan tanggungjawab alam sekitar Kumpulan yang baik. Anugerah-anugerah tersebut termasuk:-

- "Anugerah Laporan Alam Sekitar dan Sosial Malaysia" oleh Persatuan Akauntan Bertauliah Malaysia, diterima oleh Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd (LITRAK) dan Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd (SPRINT), konsesi-konsesi lebuhraya pertama yang diberikan Anugerah tersebut;
- "Anugerah Tanggungjawab, Sosial dan Korporat" oleh Bahrain Malaysia International

Trade & Investment Bureau, diterima oleh Hicom-Gamuda Development Sdn Bhd;

- "Anugerah Model Perlindungan Kualiti Udara" oleh The Environmental Bureau of Kaohsiung County Government, diterima oleh New Asia Construction & Development Corporation-Gamuda Berhad Usahasama;
- "Anugerah Pelaksanaan dan Perancangan untuk Dasar Perlindungan Alam Sekitar" oleh Kerajaan Taiwan melalui The Environmental Protection Administration, Executive Yuan, Republik China, diterima oleh New Asia Construction & Development Corporation-Gamuda Berhad Usahasama.

Kumpulan berdedikasi dalam usahanya untuk membantu para pelajar yang layak melanjutkan pengajian mereka di universiti melalui anugerah-anugerah tahunannya iaitu Anugerah Basiswa GAMUDA, Anugerah Basiswa LITRAK dan Anugerah Basiswa SPLASH (terbuka kepada masyarakat Orang Asli). Kumpulan akan mengambil para pelajar yang menerima biasiswa tersebut untuk bekerja dengannya selepas mereka tamat pengajian. Tambahan pula, pasukan pengambilan pekerja kami telah mengadakan pameran bergerak untuk menjalankan satu siri temuramah di beberapa buah pameran bergerak tersebut, seramai lima belas orang graduan dari universiti-universiti tersebut telah diambil untuk bekerja. Kejayaan projek kami yang berasaskan kemasyarakatan dan dalam mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat Orang Asli telah mendapat pengiktirafan dengan penganugerahan

"Anugerah Majlis Perniagaan Malaysia-Kanada untuk Warga Korporat yang Baik" kepada Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH). Apabila bencana tsunami melanda sebahagian besar persisiran pantai Asia dan Afrika dan menyebabkan nyawa dan komuniti terkorban, Kumpulan telah menghulurkan sumbangan besar kepada Tabung Bantuan Bencana Tsunami untuk menolong proses bantuan dan pemulihan. Pada tahun semasa, anak-anak remaja kakitangan Kumpulan berpeluang mengikuti satu bengkel latihan yang bertujuan untuk mengasah daya kreativiti dan kemahiran pembinaan pasukan mereka, semasa awal cuti semester bulan Jun. Aktiviti ini dibiayai oleh Kumpulan. Kakitangan Kumpulan turut digalakkan untuk terlibat sama dan membantu dalam projek-projek kemasyarakatan setempat, sekolah, aktiviti amal dan tujuan-tujuan kebajikan yang lain. Prosedur yang wajar untuk menjaga kesihatan dan keselamatan kakitangan Kumpulan, para pelanggan, pengunjung ke premis dan mereka yang ada kaitan dengan aktiviti mereka, yang mana prosedur tersebut digunakan dalam setiap operasi Kumpulan, adalah asas kepada dasar kesihatan dan keselamatan Kumpulan. Ketua-ketua unit perniagaan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar-dasar tersebut, dengan sokongan daripada Jawatankuasa Kesihatan & Keselamatan pusat Kumpulan.

Penyata Kawalan Dalaman

ms 76

PENGENALAN

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia menggariskan bahawa Lembaga Pengarah syarikat-syarikat tersenarai perlu mengekalkan sistem kawalan dalaman yang berwibawa untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan serta mengkaji kecukupan dan kewibawaan sistem tersebut. Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad menghendaki Lembaga Pengarah syarikat-syarikat tersenarai menyertakan Penyata Kawalan Dalaman berhubung keadaan kawalan dalaman Syarikat dalam Laporan Tahunan mereka.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah (Lembaga) menegaskan tanggungjawab menyeluruhnya dalam memelihara satu sistem kawalan dalaman yang berwibawa untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Walau bagaimanapun, sistem kawalan dalaman tersebut direka untuk mengurus dan bukan menghapus risiko kegagalan mencapai objektif perniagaan. Oleh yang demikian, sistem kawalan dalaman hanya boleh memberi jaminan yang munasabah dan bukan muktamad terhadap salahnyata atau kerugian ketara. Sistem kawalan dalaman meliputi, antara lain, kawalan kewangan, operasi dan pematuhan sistem serta pengurusan risiko. Lembaga mengesahkan bahawa terdapat proses berterusan bagi mengenal pasti, menilai dan menguruskan semua risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses tersebut telah pun tersedia bagi tahun ini dan sehingga ke tarikh Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan ini diluluskan, dan bahawa proses tersebut telah dikaji secara kerap oleh Lembaga agar ia selaras dengan Garis Panduan Kawalan Dalaman.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO SEMASA

Rangka kerja pengurusan risiko telah terkandung di dalam sistem pengurusan syarikat. Kuasa dan kebertanggungjawab ditakrif dengan jelas untuk melaksanakan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman. Pihak Pengurusan membantu Lembaga melaksanakan proses mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko yang bersesuaian dengan bidang-bidang perniagaan masing-masing dan untuk merumuskan kawalan dalaman yang sesuai untuk mengurangkan dan mengawal risiko-risiko tersebut.

Penaksiran dan penilaian risiko yang mendatangkan kesan kepada pelaburan baru dijalankan oleh pasukan tindakan setiap projek. Bagi operasi projek sedia ada, penaksiran dan penilaian risiko adalah satu bahagian penting dalam perancangan perniagaan dan proses belanjawan tahunan. Dalam menggariskan objektif perniagaannya, Pengurusan setiap unit perniagaan dikehendaki mengenal pasti dan mendokumentasikan semua kebarangkalian risiko yang boleh menjejaskan pencapaian mereka berserta dengan kawalan berkaitan yang mampu

mengurangkan risiko-risiko tersebut. Melalui proses ini, risiko-risiko yang telah dikenal pasti, kawalan dan proses untuk menguruskan risiko bagi setiap unit perniagaan akan di senaraikan di dalam laporan penilaian risiko. Risiko-risiko utama bagi unit-unit perniagaan diringkaskan menjadi peta risiko dan dibentangkan secara tahunan kepada Jawatankuasa Audit untuk pertimbangan mereka.

CIRI-CIRI KAWALAN DALAMAN PENTING

Ciri-ciri penting bagi proses yang diwujudkan di dalam Kumpulan yang menyumbang kepada sistem kawalan dalaman yang berwibawa adalah seperti berikut:

- Struktur operasi yang ditakrif dengan jelas, had-had tanggungjawab dan agihan kuasa. Pelbagai Jawatankuasa Lembaga dan Pengurusan telah diwujudkan untuk membantu Lembaga dalam menjalankan tugas-tugasnya. Antara jawatankuasa tersebut adalah:
 - Jawatankuasa Audit
 - Jawatankuasa Pencalonan
 - Jawatankuasa Imbuhan
 - Jawatankuasa Belanjawan

- Aktiviti kawalan dalaman telah diwujudkan dalam semua unit perniagaan dengan had-had tanggungjawab, had kuasa bagi perbelanjaan modal utama, pemberian kontrak dan urusniaga penting lain, pembahagian tugas, pemantauan prestasi dan perlindungan aset yang ditakrif dengan jelas.
- Dasar, Prosedur dan Piawai Prosedur Operasi yang didokumenkan secara bersistematik telah disediakan untuk memberi panduan kepada kakitangan dalam kerja harian mereka. Dasar dan prosedur tersebut dikaji secara kerap dan dikemaskini jika perlu.
- Satu proses belanjawan yang terperinci di mana unit-unit operasi menyediakan belanjawan, rancangan perniagaan dan langkah-langkah kawalan tahunan mereka untuk mengurangkan risiko yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Belanjawan sebelum dibentangkan kepada para Pengarah untuk diluluskan.
- Satu sistem maklumat lengkap yang meliputi belanjawan, petunjuk perniagaan penting dan keputusan prestasi berhubung operasi dilaporkan kepada Pengurusan dan para Pengarah. Kewujudan sistem maklumat lengkap membolehkan Pengurusan dan para Pengarah mengkaji prestasi unit-unit perniagaan berbanding belanjawan dan petunjuk prestasi setiap bulan.
- Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 yang tertakluk kepada kajian dan peningkatan secara kerap, mengurus dan mengawal secara berterusan keperluan kualiti produk dan perkhidmatan Syarikat.
- Satu Sistem Pengurusan Prestasi yang membantu kakitangan merancang sasaran mereka untuk mencapai objektif perniagaan. Prestasi kakitangan dipantau secara tahunan dan ditaksir serta diganjar menurut sasaran pencapaian yang telah ditetapkan.
- Program latihan dan pembangunan dikenal pasti dan dijadualkan bagi kakitangan untuk mendapatkan pengetahuan dan daya saing yang diperlukan untuk memenuhi jangkaan prestasi dan kerja mereka.
- Satu fungsi Audit Dalaman dengan sumber mencukupi yang melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit, menjalankan kajian secara kerap berhubung kewibawaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan.
- Perwakilan Lembaga dalam syarikat-syarikat bersekutunya. Maklumat berhubung prestasi kewangan bagi syarikat-syarikat bersekutu tersebut disediakan secara kerap kepada pengurusan Syarikat melalui prosedur laporan pengurusan Kumpulan.
- Lawatan ke unit-unit perniagaan oleh ahli Lembaga dan Pengurusan Kanan.
- Berhubung usahasama yang dimeterai oleh Kumpulan, pihak pengurusan usahasama tersebut yang terdiri daripada wakil-wakil daripada Kumpulan dan rakan-rakan kongsi usahasama yang lain, bertanggungjawab mengawal selia pentadbiran, operasi, prestasi dan pengurusan eksekutif usahasama tersebut. Maklumat kewangan dan operasi usahasama ini turut disediakan secara kerap kepada Pengurusan Syarikat.

Lembaga mengesahkan bahawa sistem kawalan dalaman Kumpulan secara umumnya adalah memuaskan pada sepanjang tahun kewangan ini dan sehingga tarikh Laporan Tahunan ini diluluskan. Tiada kelemahan kawalan dalaman utama yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan dan tindakan pembetulan telah pun diambil ke atas kelemahan-kelemahan kawalan yang dikenal pasti.

KAJIAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Juruaudit Luar telah mengkaji Penyata Kawalan Dalaman ini dan melaporkan kepada Lembaga bahawa tiada perkara yang pada perhatian mereka boleh menyebabkan mereka percaya bahawa penyata tersebut tidak selari dengan pemahaman mereka berhubung proses yang diterima pakai oleh Lembaga dalam mengkaji kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman. Pengurusan terus mengambil langkah-langkah perlu untuk mengukuhkan persekitaran kawalan.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga.

Laporan Jawatankuasa Audit

ms 78

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Gamuda Berhad dengan sukacita membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun berakhir 31 Julai 2006.

KEAHLIAN DAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit (JA) telah dibentuk oleh Lembaga Pengarah, dan pada masa ini AC terdiri daripada empat (4) orang pengarah seperti berikut:

1. YM Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim
Pengerusi / Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
2. YBhg Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi
Ahli / Pengarah Bukan EKsekutif Bebas Kanan
3. Cik Wong Chin Yen
Ahli / Pengarah Bukan EKsekutif Bebas
4. Encik Ng Kee Leen
Ahli / Pengarah Bukan EKsekutif Bebas

AC telah bermesyuarat empat (4) kali pada tahun kewangan berakhir 31 Julai 2006. Rekod kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat	
	Diadakan	Hadir
YM Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	4	3
YBhg Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	4	4
Cik Wong Chin Yen	4	4
Encik Ng Kee Leen	4	3

TERMA RUJUKAN

Keahlian

Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan para Pengarahnya dan hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli. Majoriti Jawatankuasa Audit hendaklah terdiri daripada para Pengarah bebas. Pengarah Gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit. Ahli Jawatankuasa Audit hendaklah memilih seorang pengerusi yang hendaklah merupakan seorang Pengarah Bebas.

Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa Audit:

- i. mestilah seorang ahli Institut Akauntan Malaysia (MIS); atau

- ii. jika beliau bukan seorang ahli MIA:

- a. beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967 dan mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja; atau
- b. beliau mestilah merupakan seorang ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967 dan mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja; atau

- c. beliau mestilah mempunyai ijazah sarjana muda / sarjana / kedoktoran dalam perakaunan atau kewangan dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja selepas manamatkan pengajian dalam bidang perakaunan atau kewangan; atau
- d. beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman sebagai ketua pegawai kewangan bagi sebuah syarikat atau memegang jawatan yang bertanggungjawab terutamanya terhadap pengurusan hal ehwal kewangan sebuah syarikat.

Jika berlaku sebarang kekosongan dalam Jawatankuasa Audit sehingga menyebabkan ketidakpatuhan dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan.

Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji tempoh memegang jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun bagi menentukan sama ada Jawatankuasa Audit dan ahlinya telah menjalankan tugas mereka selaras dengan terma rujukan mereka.

MESYUARAT DAN MINIT

Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan tidak kurang daripada empat (4) kali setahun. Mesyuarat-mesyuarat tambahan boleh diadakan apabila diminta oleh mana-mana ahli Jawatankuasa Audit, Pihak Pengurusan, Juruaudit Dalaman atau Luar. Pengarah Kewangan dan Ketua Audit Dalaman biasanya turut hadir dalam mesyuarat. Pengarah-pengarah lain, kakitangan dan juruaudit luar boleh menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana pegawai eksekutif Kumpulan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Kuorum

Sebuah kuorum hendaklah terdiri secara majoritinya daripada para Pengarah bebas dan hendaklah tidak kurang daripada dua (2) orang.

Setiausaha

Setiausaha Syarikat hendaklah berperanan sebagai setiausaha Jawatankuasa Audit.

Prosedur Melapor

Minit bagi setiap mesyuarat hendaklah diedarkan kepada ahli Jawatankuasa Audit dan kepada semua ahli Lembaga Pengarah. Isu-isu penting yang dibincangkan akan dilaporkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit kepada Lembaga Pengarah.

KUASA DAN TUGAS

Kuasa

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, Jawatankuasa Audit hendaklah:

- i. mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam lingkungan terma rujukannya;
- ii. mempunyai akses penuh dan tidak terhalang kepada sebarang maklumat berhubung Kumpulan;
- iii. mempunyai saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan dalaman, serta kakitangan Kumpulan; dan
- iv. boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat dari pihak-pihak lain jika perlu.

Tugas

Tugas Jawatankuasa Audit hendaklah meliputi kajian terhadap perkara-perkara berikut:

- i. keberkesanan sistem maklumat pengurusan dan sistem-sistem kawalan dalaman lain dalam Syarikat dan Kumpulan.
- ii. pematuhan pengurusan dengan undang-undang, peraturan, dasar, rancangan dan prosedur yang ditetapkan.

- iii. dengan bantuan Pengurusan, keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan tahunan sebelum ia diperbincangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dengan memfokus khususnya kepada:
 - a. perubahan dalam dasar perakaunan utama;
 - b. andaian usahaniaga berterusan;
 - c. pematuhan dengan piawaian perakaunan dan keperluan-keperluan undang-undang yang lain.
- iv. Kebebasan Juruaudit Luar dan rangka kerja di mana Juruaudit Luar boleh mengekalkan kebebasan mereka.
- v. bersama-sama dengan Juruaudit Luar, skop dan rancangan audit mereka, penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman dan laporan audit berhubung penyata kewangan.
- vi. pemilihan, imbuhan dan peletakan jawatan atau pemecatan Juruaudit Luar.
- vii. skop, fungsi dan sumber fungsi Audit Dalaman serta kuasa yang perlu untuk menjalankan tugas-tugasnya.
- viii. program, proses dan keputusan kerja audit oleh Audit Dalaman, proses penyiasatan yang dijalankan dan sama ada tindakan yang wajar telah diambil berkaitan syor-syor fungsi Audit Dalaman.
- ix. sebarang urusan pihak berkaitan dan situasi konflik kepentingan yang mungkin timbul termasuk sebarang urusan, prosedur atau tatalaku berkaitan kewibawaan Pengurusan.

- x. peruntukan opsyen pada tahun ini di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS) selaras dengan kriteria yang ditentukan oleh jawatankuasa ESOS dan mematuhi undang-undang kecil ESOS.
- xi. hal-hal yang disampaikan kepada Lembaga Pengarah yang tidak diselesaikan dengan memuaskan sehingga melanggar Keperluan Penyenaaraan Bursa Malaysia Securities Berhad, dilaporkan dengan segera kepada pihak Bursa Malaysia Securities Berhad.
- xii. sebarang perkara yang mungkin diarahkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Syarikat memiliki Jabatan Audit Dalaman yang mempunyai sumber mencukupi yang menerima pakai pendekatan audit berasaskan risiko semasa menggariskan rancangan audit dan strateginya. Peranan utama Jabatan Audit Dalaman adalah untuk menyediakan jaminan yang munasabah bahawa sistem kawalan dalaman akan terus beroperasi dengan memuaskan dan berkesan. Pada tahun ini, Jabatan Audit Dalaman telah menjalankan kajian bebas dan berobjektif terhadap sistem kawalan dalaman yang meliputi tadbir urus, pengurusan risiko dan sistem maklumat bagi bidang-bidang operasi Kumpulan. Laporan dan syor-syor Jawatankuasa Audit akan dilaksanakan dengan sewajarnya oleh Pengurusan.

Laporan penilaian risiko secara kerap yang timbul daripada penilaian risiko yang dijalankan oleh pengurusan, telah diringkaskan oleh Jabatan Audit Dalaman untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit.

RINGKASAN AKTIVITI

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan barakhir 31 Julai 2006 termasuk perbincangan dan kajian terhadap:

- i. keputusan kewangan suku tahunan Kumpulan sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan dan diluluskan; serta hal-hal yang timbul daripada audit Kumpulan dalam sebuah mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan;
- ii. keputusan kewangan akhir tahunan Kumpulan yang diaudit sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan dan diluluskan;
- iii. laporan Jawatankuasa Audit dan syor-syornya kepada Lembaga Pengarah untuk disertakan ke dalam Laporan Tahunan;
- iv. penyata Kawalan Dalaman dan Penyata Tadbir Urus Korporat serta syor-syornya kepada Lembaga Pengarah untuk disertakan ke dalam Laporan Tahunan;
- v. rancangan audit Juruaudit Luar dari segi skop audit sebelum audit tahunan mereka dimulakan;
- vi. laporan audit Juruaudit Luar berkaitan isu-isu audit dan perakaunan yang timbul daripada audit;
- vii. perkembangan baru dan kemaskini berhubung Piawaian Laporan Kewangan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan kesannya kepada Kumpulan;

- viii. prestasi Juruaudit Luar dan syor-syor kepada Lembaga Pengarah berhubung pelantikan semula dan imbuhan mereka;
- ix. urusan pihak berkaitan seperti yang dikehendaki di bawah Keperluan Penyenaaraan Bursa Malaysia Securities Berhad untuk memastikan supaya urusan tersebut dijalankan berasaskan terma yang saksama sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan dan kelulusan oleh para pemegang saham, jika perlu;
- x. ringkasan keputusan penilaian risiko yang timbul daripada penilaian risiko yang dijalankan oleh Pengurusan sebelum ia dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan mereka;
- xi. rancangan audit tahunan berasaskan risiko yang dibentangkan oleh Juruaudit Dalaman bagi Kumpulan;
- xii. laporan audit yang dibentangkan oleh Juruaudit Dalaman berhubung penemuan-penemuan utama, syor-syor dan tindak balas Pengurusan mengenainya;
- xiii. peruntukan opsyen menurut ESOS syarikat pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Julai 2006 yang telah disahkan oleh Juruaudit Dalaman, adalah didapati memuaskan Jawatankuasa Audit dan konsisten dengan undang-undang kecil ESOS dan kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa ESOS; dan
- xiv. keputusan audit susulan yang dijalankan oleh Juruaudit Dalaman ke atas pelaksanaan Pengurusan berhubung syor-syor audit.

Penyata Kepentingan Para Pengarah

Pada 27 November 2006

ms 81

Seperti yang terkandung di dalam Daftar Pegangan Saham Pengarah.

Selain daripada yang dinyatakan di bawah, tiada mana-mana Pengarah Syarikat yang lain mempunyai kepentingan dalam saham, waran dan opsi ke atas saham Gamuda Berhad dan syarikat-syarikat berkaitan dengannya.

GAMUDA BERHAD

BIL. SAHAM BIASA BERNILAI RM1.00 SESAHAM

Nama Pengarah	Langsung	%	Dianggap Berkepentingan	%
Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim	325,828	0.04	–	–
Dato' Lin Yun Ling	–	–	46,848,818 [^]	6.13
Raja Dato' Seri Eleena binti Raja Azlan Shah	–	–	76,000,000 [*]	9.95
Dato' Ir Kamarul Zaman bin Mohd Ali	667,000	0.09	–	–
Ng Kee Leen	12,636,114	1.65	–	–
Goon Heng Wah	10,000,000	1.31	–	–
Ha Tiing Tai	11,907,938	1.56	–	–

Nota-nota:

[^] Melalui HSBC (Malaysia) Trustee Berhad

^{*} Melalui Generasi Setia (M) Sdn Bhd dan termasuk saham biasa yang dipegang oleh Generasi Setia (M) Sdn Bhd melalui sebuah syarikat nomini

BIL. WARAN 1996/2006

Nama Pengarah	Langsung	%	Dianggap Berkepentingan	%
Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim	110	#	–	–
Dato' Lin Yun Ling	–	–	8,053,442 [^]	13.18
Ng Kee Leen	2,168,000	3.55	–	–
Goon Heng Wah	1,000,058	1.64	–	–

Nota-nota:

Kurang daripada 0.01%

[^] Melalui HSBC (Malaysia) Trustee Berhad

BIL. WARAN 2001/2007

Nama Pengarah	Langsung	%	Dianggap Berkepentingan	%
Dato' Lin Yun Ling	–	–	12,240,551 [^]	9.59
Raja Dato' Seri Eleena binti Raja Azlan Shah	–	–	8,800,000 [*]	6.89
Dato' Ir Kamarul Zaman bin Mohd Ali	271,500	0.21	–	–
Ng Kee Leen	4,308,335	3.37	–	–
Goon Heng Wah	2,996,000	2.35	–	–
Ha Tiing Tai	3,477,000	2.72	–	–

Nota-nota:

[^] Melalui HSBC (Malaysia) Trustee Berhad

^{*} Melalui Generasi Setia (M) Sdn Bhd

SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN GAMUDA BERHAD

Nama Pengarah	Bil. saham opsyen
Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim	100,000
Dato' Lin Yun Ling	1,500,000
Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	100,000
Tan Sri Dato' Seri Dr Haji Zainul Ariff bin Haji Hussain	100,000
Raja Dato' Seri Eleena binti Raja Azlan Shah	100,000
Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	100,000
Dato' Ir Kamarul Zaman bin Mohd Ali	630,000
Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor	715,000
Ng Kee Leen	900,000
Goon Heng Wah	900,000
Ha Tiing Tai	900,000
Wong Chin Yen	100,000
Saw Wah Theng	825,000
Chow Chee Wah	715,000
(Pengarah Gantian kepada Dato' Lin Yun Ling)	

Maklumat Pematuhan Tambahan

ms 83

YURAN BUKAN AUDIT

Jumlah yuran bukan audit yang dibayar kepada juruaudit luaran oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya bagi tahun kewangan 2006 adalah sebanyak RM218,000.

- i) 3,580,000 opsyen telah dilaksanakan berhubung Skim Opsyen Saham Kakitangan;
- ii) 80,000 Waran 2001/2007 telah dilaksanakan dan ditukar kepada saham biasa.

DASAR PENILAIAN SEMULA KE ATAS HARTA BERTANAH

Kumpulan tidak menggunakan dasar penilaian semula yang kerap.

PEMBELIAN BALIK SAHAM

Syarikat tidak membeli balik sebarang sahamnya sendiri pada tahun kewangan 2006.

KONTRAK PENTING MELIBATKAN KEPENTINGAN PENGARAH/PEMEGANG SAHAM UTAMA

Selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 38 Penyata Kewangan, tiada sebarang kontrak penting telah dimeterai oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang melibatkan kepentingan Pengarah dan pemegang saham utama sejak 1 Ogos 2005.

SEKATAN ATAU PENALTI YANG DIKENAKAN

Tiada sekatan atau penalti penting dikenakan oleh badan-badan kawal selia yang berkenaan ke atas Syarikat atau anak-anak syarikatnya, para pengarah atau pihak pengurusannya pada tahun kewangan 2006.

PERLAKSANAAN OPSYEN, WARAN ATAU SEKURITI BOLEH DITUKAR

Pada tahun kewangan 2006,

STATUS PENGGUNAAN PEROLEHAN DARIPADA PENERBITAN BON DAN PENERBITAN HAK WARAN

Status penggunaan perolehan daripada 3% Bon Tidak Bercagar Boleh Ditebus 2001/2007 dan Penerbitan Hak Waran pada 31 Julai 2006 adalah seperti berikut:

Butiran	Penggunaan yang Diluluskan RM'000	Penggunaan Sebenar RM'000
Pembayaran balik pinjaman	115,000	115,000
Sebahagian bayaran untuk pembelian tanah	60,000	60,000
Modal kerja	100,700	100,700
Perbelanjaan penerbitan bon	4,300	4,300
Pelaburan dalam Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad (Syarikat Pegangan SPLASH)	120,000	120,000
Jumlah	400,000	400,000

URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN YANG BERULANG

Urusniaga pihak berkaitan yang berulang yang telah dijalankan menurut Mandat Pemegang Saham pada tahun kewangan 2006 adalah seperti berikut:

Jenis Urusniaga	Pihak yang Berurusniaga dengan Gamuda Engineering Sdn Bhd ("GESB")*	Nilai Urusniaga (RM'000)	Hubungan Pihak Berkaitan yang Berkepentingan
Reka bentuk dan pembinaan untuk kerja-kerja naik taraf Lebuhraya Damansara-Puchong	Lingkar Trans Kota Sdn Bhd ("LTKSB")#	844	Dato' Lin Yun Ling dan Encik Ng Kee Leen adalah pengarah Gamuda dan Litrak. Dato' Lin Yun Ling juga merupakan seorang pemegang saham utama Gamuda dan pemegang saham Litrak. Encik Ng Kee Leen juga merupakan seorang pemegang saham Gamuda dan Litrak.

* GESB adalah anak syarikat milik penuh Gamuda Berhad ("Gamuda")

LTKSB adalah anak syarikat milik penuh Lingkar Trans Kota Holdings Berhad ("Litrak")